

BAHAGIAN VI

RUMUSAN JAWATANKUASA

Berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan yang meneliti Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, Jawatankuasa bersetuju mengemukakan syor-syor yang terkandung dalam Laporan ini.

1. Jawatankuasa bersetuju bahawa RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 ini adalah perlu bagi mengawal selia semua jenis produk merokok termasuk rokok elektronik atau *vape*.
2. Jawatankuasa bersetuju bahawa hukuman denda yang lebih berat perlu dikenakan ke atas pertubuhan perbadanan yang melanggar peraturan berkaitan pendaftaran, pengiklanan, promosi atau tajaan, penjualan, pemberian sebagai hadiah, harga jualan, pembungkusan dan pelabelan, tanggungjawab pengilang, pengimport atau pengedar, dan situasi akut atau kritikal, seperti yang termaktub di bawah fasal 3, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 22 dan 23.
3. Jawatankuasa bersetuju dengan pelaksanaan peruntukan Generasi Penamat Rokok dikekalkan di bawah Rang Undang-Undang ini.
4. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan untuk mengekalkan peruntukan kesalahan fasal 18 dan 19. Walau bagaimanapun tarikh kuatkuasa kedua-dua fasal ini ditangguhkan kepada satu tempoh masa yang tertentu atau sehingga laporan berkala dibentangkan di bawah fasal 56, melalui kuasa Menteri untuk menetapkan permulaan kuatkuasa peruntukan berkaitan di bawah fasal 1(2). Sehingga itu, pelaksanaan secara pendidikan akan diteruskan.
5. Jawatankuasa bersetuju bagi hukuman denda di bawah fasal 18 dan 19 diturunkan daripada RM500 kepada RM250.
6. Jawatankuasa bersetuju supaya KKM meneliti syor penggunaan rokok elektronik atau *vape* digunakan sebagai salah satu kaedah rawatan berhenti merokok dan perlu mendapat kelulusan agensi bertanggungjawab serta mempunyai dokumen-dokumen sokongan berkaitan seperti keselamatan, keberkesanan, kesan sampingan dan tatacara penggunaan.
7. Jawatankuasa bersetuju berkaitan dengan tafsiran bahan merokok sedia ada di bawah RUU ini.
8. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan KKM untuk mengemaskini garis panduan penurunan kuasa berdasarkan RUU ini apabila diluluskan kelak.

9. Jawatankuasa bersetuju supaya fasal-fasal lain selain daripada fasal-fasal yang dipinda Jawatankuasa dalam **Lampiran V** diterima tanpa pindaan.
10. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 - Pindaan dalam Jawatankuasa sebagaimana dalam **Lampiran V** diperkenankan.
11. Jawatankuasa bersetuju dengan huraian bagi Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 - Pindaan dalam Jawatankuasa seperti berikut:
 - i. Perenggan 1 hingga 11 bertujuan untuk meminda fasal 3, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15 dan 16 Rang Undang-Undang, masing-masing untuk menaikkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang melakukan apa-apa kesalahan di bawah fasal tersebut.
 - ii. Perenggan 12 dan 13 bertujuan untuk meminda subfasal 18(2) dan 19(2) Rang Undang-Undang, masing-masing untuk mengurangkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya, yang disabitkan bagi kesalahan merokok produk tembakau atau produk pengganti tembakau, atau menggunakan apa-apa peranti merokok dengan apa-apa bahan merokok.
 - iii. Perenggan 14 bertujuan untuk meminda perenggan 22(2)(b) Rang Undang-Undang untuk menaikkan amaun denda dan tempoh pemenjaraan yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang gagal untuk menzahirkan maklumat berhubungan dengan pengilangan, pengimportan atau pengedaran produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok apabila diminta di bawah fasal 22 Rang Undang-Undang.
 - iv. Perenggan 15 bertujuan untuk meminda perenggan 23(3)(b) Rang Undang-Undang untuk menaikkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang gagal untuk mematuhi perintah Menteri yang dibuat di bawah subfasal 23(2) Rang Undang-Undang bagi situasi akut atau kritikal.
 - v. Perenggan 16 bertujuan untuk meminda subfasal 56(1) Rang Undang-Undang berhubung dengan tempoh untuk Ketua Pengarah mengemukakan laporan kali pertama kepada Menteri mengenai keberkesanan larangan penjualan produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok, larangan merokok produk tembakau atau produk pengganti tembakau dan larangan penggunaan peranti merokok.

- vi. Perenggan 17 bertujuan untuk meminda fasal 57 Rang Undang-Undang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada fasal 13 dan 18 Rang Undang-Undang, masing-masing berhubung dengan hukuman bagi kesalahan membeli atau merokok apa-apa produk tembakau bagi mana-mana orang yang lahir sebelum 1 Januari 2007 yang masih belum mencapai umur lapan belas tahun pada tarikh permulaan kuat kuasa peruntukan ini.
12. Jawatankuasa mengesyorkan supaya tindakan sewajarnya diambil terhadap kesemua syor yang telah dikemukakan.